

HIDUP LEBIH MUDAH BILA BIJAK MENGURUS KEWANGAN

Oleh: Nur Izzah Mujidah binti Mojtahidin, 1171829,
Fakulti Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 28 July 2020



Masalah kewangan boleh menimbulkan tekanan terhadap kehidupan seseorang. Sejumlah besar anggota masyarakat pada masa ini pernah mengalami masalah kewangan yang kronik.

Masih ramai yang terkapai-kapai, tidak tahu hala tuju dan apa yang hendak dicapai serta dilakukan untuk menguruskan kewangan.

Simpanan untuk kecemasan adalah amat penting. Pengorbanan untuk memulakan norma baru dalam kehidupan bagi mewujudkan simpanan kecemasan boleh membiasakan diri kita terus menyimpan secara konsisten.

Keputusan mengurangkan aktiviti hiburan dan pada masa yang sama, melakukan aktiviti yang berfaedah untuk menjana wang adalah sangat membantu untuk menaik taraf kehidupan seseorang individu.

Jatuh bukanlah tanda kita kalah, tetapi jadikan ia sebagai titik permulaan untuk kita terus bangkit dan maju ke hadapan.

Teruslah berusaha mencari jalan keluar dari masalah kewangan yang dihadapi. Orang sekeliling akan bercakap macam-macam tentang kita kerana teruk bekerja untuk masa depan. Hakikatnya, tiada sesiapa pun yang berjaya tanpa mengalami kesulitan dahulu.

Tidak perlu malu mencari duit lebih. Malah, kita perlu bangga dengan diri kita kerana berjaya melangkah ke hadapan untuk membina kehidupan yang jauh lebih baik.

Tanpa mengira apa pun pekerjaan yang kita lakukan, perniagaan yang kita usahakan, apa yang penting rezeki yang kita perolehi itu halal. Cari sesuatu yang kita minat dan kemudian cetuskan idea untuk mewujudkan aktiviti yang boleh menjana kewangan.

Sebagai seorang pelajar, saya mula memasuki alam perniagaan dengan menjadi ejen *dropship*. Model perniagaan ini mudah untuk dilakukan kerana ejen tidak perlu memegang stok dan boleh berniaga dengan hanya menggunakan telefon pintar.

Sebagai seorang pelajar, saya perlu mengikuti kelas yang telah ditetapkan dan pelbagai aktiviti lain. Saya memerlukan wang untuk pergi ke mana-mana destinasi.

Jadi, saya meletakkan sasaran bulanan untuk dicapai dan berusaha sehabis mampu untuk memastikan komisyen yang saya perolehi membantu kehidupan saya sepanjang di universiti tanpa meminta duit poket daripada ibu bapa saya.

Sebaik-baiknya, manfaatkan kelebihan yang ada dalam diri kita dan cuba cabar diri untuk melakukan sesuatu yang luar biasa agar beroleh hasil yang jauh lebih baik.

Sesiapa juga boleh berjaya asalkan mempunyai ilmu dan perlu bertindak bagi memastikan apa yang dipelajari dipraktikkan dengan betul.

Amalan menabung pasti dapat dilihat manfaatnya ketika negara dilanda krisis ekonomi seperti yang dapat kita lihat sekarang. Pandemik COVID-19 menyaksikan banyak perniagaan yang terjejas sekali gus menyebabkan ramai orang yang hilang pekerjaan.

Sehubungan itu, pengurusan kewangan yang berkesan adalah penting bagi memastikan kita sentiasa bersedia menghadapi sebarang masalah yang timbul sekiranya sumber pendapatan terjejas.